



SIARAN MEDIA

350 PENDUDUK BERPENDAPATAN RENDAH PARLIMEN TITIWANGSA TERIMA SUMBANGAN SEMPENA TAHUN BARU CINA 2021

Titiwangsa, 9 Februari – Seramai 350 penduduk di Parlimen Titiwangsa berbangsa Cina daripada golongan yang berpendapatan rendah telah menerima sumbangan sempena sambutan Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 12 Februari 2021. Sumbangan ini telah disampaikan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, selaku Ahli Parlimen Titiwangsa merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk mewujudkan sikap bekerjasama, tolong menolong dan mewujudkan suasana muhibbah dalam kalangan golongan yang memerlukan. Bahkan bukan itu sahaja ianya juga bagi menyemai perasaan hormat-menghormati antara semua kaum yang menjadi warga negara Malaysia, ujar Datuk Seri Rina.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa sumbangan yang diberikan berupa barang keperluan asas dan juga wang tunai bagi membantu penerima untuk membeli keperluan lain yang diperlukan.

Sumbangan ini telah diberikan kepada wakil-wakil persatuan penduduk dan wakil Rukun Tetangga (KRT) untuk diagihkan kepada penerima yang layak. Antara wakil pesatuan yang terlibat adalah Persatuan Penduduk PPR Cochrane Perkasa, KRT PPR Cochrane Perkasa, Persatuan Penduduk PangsaMurni Titiwangsa, Pertubuhan Nala Duta Nusantara Malaysia, KRT PPR Laksamana, Rumah Setinggan Jalan Syahbandar dan KRT Kg Pandan Baiduri D.

Diharapkan agar dengan sumbangan ini dapat membantu mereka yang terkesan pada saat ini, untuk merasai kemeriahinan sambutan Tahun Baru Cina walaupun dalam suasana yang berbeza berikutan pandemik Covid-19.

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**
No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1088

Tarikh dikeluarkan : 9 Februari 2021